

UnikL antara 100 pasukan terbaik FYI 2015

Oleh **Khairunnisa Kamarudin**
nisa.kamarudin@bh.com.my

↳ **Kuala Lumpur**

Empat pasukan Malaysia adalah antara 100 pasukan yang layak meneruskan cabaran pusingan kedua Pertandingan Global Fly Your Ideas (GFYI) anjuran Airbus pada tahun ini.

Pasukan terabit ialah The Jentayu, MH Malaysian Hospitality dan MIAT, masing-masing dari Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Aviation Technology (MIAT UnikL).

Satu lagi pasukan yang turut layak, Red Hawks dari UnikL Malaysian Spanish Institute (MSI).

Kejayaan pasukan Malaysia yang diwakili 18 pelajar itu disifatkan membanggakan kerana berjaya mengeneipkan saingan lebih 400 pasukan yang turut bersaing pada tahun ini.

Naib Presiden Eksekutif Kejuruteraan Airbus, Charles Champion, berkata beliau kagum dengan kepelbagaian pasukan yang berjaya melepasi pusingan kedua ini.

Merentasi sempadan

“Merentasi pertandingan ini, kita dapat melihat generasi muda tidak berfikir secara

bersendirian tetapi mempunyai aspirasi untuk bekerjasama merentasi sempadan tradisional seperti jantina, negara dan bidang disiplin.

“Ia mencerminkan cita-cita Airbus untuk bekerja dengan lebih kuat dan pasti semua pakar Airbus teruja dengan cara pemikiran baharu peserta sepanjang 100 hari pusingan kedua sebelum meneruskan cabaran ke pusingan seterusnya,” katanya.

Pada pusingan ini, setiap pasukan akan disediakan

masing-masing seorang mentor Airbus dan pakar Airbus bagi membantu membawa idea mereka pergi lebih jauh serta berkongsi pengalaman sebenar dalam tempoh 100 hari.

Hanya lima pasukan terbaik layak ke peringkat akhir dan mempersembahkan idea mereka pada Mei tahun 2015. Juara bakal membawa pulang hadiah RM121,500, manakala pemenang kedua menerima RM 60,700.



Wakil tunggal dari UnikL MSI, pasukan Red Hawks bersama-sama mentor mereka.



Pasukan FLY HIGH MIAT turut layak ke pusingan kedua.